

KOD TATALAKU URUS NIAGA



SATU  
HONEYWELL

**Honeywell**





# PERUTUSAN DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KITA

Warga kerja sekalian:

Seiringan dengan perkembangan berterusan Honeywell, kita harus terus memberi tumpuan kepada tekad dan komitmen kita terhadap integriti dan Dua Belas Tatalaku Honeywell. Kod Tatalaku Urus Niaga kita merupakan satu pelan hala tuju selaku panduan bagi membantu anda mengemudi persekitaran operasi dalam empat bidang perniagaan kita, termasuk beberapa sektor yang paling dinamik dalam ekonomi global.

Kita mempunyai antara daya saing yang terbaik dalam industri-industri yang mantap, dan kita bertanggungjawab untuk mengamalkan tatalaku dengan tahap integriti yang tertinggi dalam semua aspek urus niaga kita. Integriti kita membantu memastikan kita terus mengekalkan kredibiliti jenama kita, mengekalkan reputasi kukuh kita dan memantapkan rekod prestasi perkembangan dan pencapaian kita.

Kod dan Dua Belas Tatalaku kita perlu diamalkan oleh semua warga kerja dan menyatukan kita sebagai Satu Honeywell. Luangkan masa bagi membaca

Kod Tatalaku Urus Niaga Honeywell dan memahami panduannya. Sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan mengenai Kod kita, atau memerlukan panduan bagi memahami aplikasinya terhadap kerja anda, luangkan masa untuk mendapat nasihat daripada wakil rujukan yang disenaraikan. Syarikat kita tidak akan bertolak ansur dengan perbuatan mengambil tindakan membalas dendam terhadap sesiapa yang mengajukan soalan atau menyuarakan kebimbangan secara jujur, justeru anda boleh sentiasa menyuarakan pendapat dan pandangan tanpa rasa ketakutan atau keraguan. Sekiranya anda perhatikan perbuatan melanggar tatalaku di kalangan rakan sekerja anda, anda juga dikehendaki melaporkan hal ini menerusi salah seorang wakil saluran pelaporan dengan serta-merta.

Saya berharap anda terus mendukung komitmen terhadap integriti di Honeywell.

Yang ikhlas,

**Darius Adamczyk**  
Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

# SENARAI KANDUNGAN

<b>Perutusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kita.....</b>	<b>1</b>
<b>Tatalaku Honeywell .....</b>	<b>4</b>
<b>Pengenalan kepada Kod Kita.....</b>	<b>7</b>
Harapan Honeywell daripada Setiap Warga Kerja .....	8
Pematuhan terhadap Kod Kita .....	8
Kewajipan Bersama Kita .....	8
Kewajipan Tambahan bagi Pengurus dan Penyelia .....	9
Pematuhan terhadap Undang-Undang.....	9
Memohon Nasihat dan Menyuarakan Kebimbangan.....	10
Honeywell Tidak Akan Bertolak Ansur Terhadap Tindakan Membalas Dendam .....	11
<b>Satu Honeywell: Tatalaku Sesama Warga Kerja.....</b>	<b>12</b>
Saling Menghormati Sesama Warga Kerja dan Memupuk Persekitaran Tempat Kerja yang Positif .....	13
Melindungi Data Peribadi .....	13
Penyalahgunaan Bahan .....	14
Persekitaran Tempat Kerja Tanpa Keganasan.....	14
Menyediakan Persekitaran Tempat Kerja yang Sihat dan Selamat .....	14
<b>Satu Honeywell: Tatalaku Demi Kepentingan Terbaik Syarikat Kita .....</b>	<b>16</b>
Mengelakkan Konflik Kepentingan.....	17
<i>Hadiah dan Hiburan Semasa Berurus Niaga ..</i>	<i>17</i>
<i>Kepentingan Kewangan .....</i>	<i>19</i>
<i>Pekerjaan Di Luar Syarikat .....</i>	<i>19</i>
<i>Urus Niaga dengan Sahabat dan Ahli Keluarga .....</i>	<i>20</i>
<i>Manfaat Peribadi Yang Tidak Wajar.....</i>	<i>20</i>
<i>Peluang Korporat .....</i>	<i>20</i>
Melindungi Harta dan Maklumat Syarikat.....	21
<i>Harta Fizikal Honeywell .....</i>	<i>21</i>
<i>Maklumat Sulit Honeywell .....</i>	<i>21</i>
<i>Hak Milik Intelektual Honeywell .....</i>	<i>22</i>
<i>Menghormati Hak Milik Intelektual Pihak Lain .....</i>	<i>22</i>
Menggunakan Sumber Teknologi Maklumat.....	22
<i>Media Sosial dan Laman Perangkaan Sosial .....</i>	<i>23</i>
Mengelakkan Perdagangan Orang Dalam .....	23



<b>Satu Honeywell: Tatalaku Terhadap Pelanggan Kita.....</b>	<b>26</b>
Menyediakan Produk dan Perkhidmatan Bermutu .....	27
Memperoleh Urus Niaga Secara Terbuka dan Amanah.....	27
<i>Tanpa Rasuah Komersial dan Tanpa Bayaran Tidak Wajar kepada Pegawai Kerajaan .....</i>	<i>28</i>
Pematuhan terhadap Undang-Undang Persaingan Antarabangsa .....	29
Mengguna Pakai Prosedur Pengebilan yang Tepat .....	30
Menghormati Hak Milik Pelanggan .....	31
Berurusan dengan Pelanggan Kerajaan .....	31
<b>Satu Honeywell: Tatalaku Terhadap Pembekal Kita.....</b>	<b>34</b>
Mensasarkan Urus Niaga Jangka Panjang dengan Pembekal .....	35
Melindungi Aset Pembekal.....	35

<b>Satu Honeywell: Tatalaku Terhadap Pemegang Saham Kita .....</b>	<b>36</b>
Buku dan Rekod Simpan Kira yang Amanah dan Tepat .....	37
Pendedahan Kewangan dan Penipuan .....	37
Audit dan Penyiasatan .....	38
Pengurusan Rekod .....	38
Pertanyaan daripada Media dan Penganalisis .....	38
<b>Satu Honeywell: Tatalaku Terhadap Masyarakat dan Dunia Kita .....</b>	<b>40</b>
Melindungi Alam Sekitar .....	41
Menghormati Hak Asasi Manusia .....	41
Membuat Sumbangan Politik dan Amal.....	42
Mematuhi Kawalan Perdagangan Antarabangsa .....	43
<b>Pengecualian Kod Kita.....</b>	<b>44</b>

# TATALAKU HONEYWELL

- **Perkembangan dan Fokus Pelanggan**  
mengiktirafkan kepentingan pemikiran yang berdaya maju bagi tujuan perkembangan. Pelanggan merupakan asas kejayaan kami. Kakitangan yang efektif melaksanakan tugas dengan cemerlang demi pelanggan setiap hari dari segi mutu, penyampaian, nilai dan teknologi. Mereka mendasarkan secara agresif peluang baharu menerusi jualan dan pemasaran yang unggul, globalisasi dan pelan hala tuju teknologi disokong oleh Design bagi Six Sigma Plus.
- **Impak Kepemimpinan** bermaksud pemikiran sebagai seorang pemimpin tanpa mengambil kira jawatan bidang kerja anda, memenuhi komitmen, dan menjadi teladan kepada yang lain. Semua pemimpin menunjukkan tekad terhadap kerja mereka dan prihatin terhadap warga kerja dalam organisasi. Setiap kakitangan harus berkemampuan: [1] mentafsirkan suatu isu secara konsep, [2] merancang pelan tindakan bagi menangani isu itu, dan [3] melaksanakan pelan tersebut.
- **Mencapai Sasaran** menghendaki warga kerja memenuhi komitmen terhadap urus niaga dan orang lain secara berterusan. Keperluan urus niaga perlu diambil tindakan dengan segera menerusi penentuan orang yang bertanggungjawab, tugas yang perlu dilaksanakan dan tarikh penyempurnaan tugas bagi memastikan pelan dapat dilaksanakan.





- **Memantapkan Warga Kerja** menggalakkan kecemerlangan di kalangan warga kerja peringkat setara, bawahan dan/atau pengurus. Jadilah warga kerja berpengaruh positif dalam pemantapan warga kerja lain.
- **Pendukung Perubahan** menghendaki pemantapan minda secara berterusan bagi membuat keputusan dan mengambil tindakan demi kepentingan terbaik pelanggan, pemilik saham, dan organisasi. Tatalaku ini mencerminkan komitmen berterusan kepada pemantapan cara kerja. Tatalaku ini menghendaki individu menyesuaikan diri dan menyokong perubahan organisasi dan urus niaga yang memastikan kekukuhan jangka panjang Syarikat kita, tanpa mengambil kira impak individu.
- **Memupuk Kerja Berpasukan dan Kepelbagaian** ditafsirkan sebagai kejayaan seluruh pasukan. Kakitangan hendaklah memahami dan memanfaatkan kepelbagaian tenaga kerja Honeywell yang mendukung nilai, pendapat, latarbelakang, budaya dan matlamat yang berlainan. Mengiktiraf kepelbagaian sebagai nilai yang penting dan membangunkan pasukan yang terdiri daripada warga kerja yang berlainan ciri masing-masing. Pemimpin pasukan yang efektif bukan sahaja memenuhi kehendak peranan mereka sebagai pemimpin, tetapi juga menetapkan dan memenuhi kehendak bagi ahli pasukan.
- **Minda Global** ditafsirkan sebagai mempertimbangkan urus niaga dari semua perspektif berkenaan dan melihat dunia dari segi perangkaan nilai yang bersepadu.
- **Pengambilan Risiko Secara Cerdas** mengiktirafkan bahawa pencapaian pulangan yang lebih besar menghendaki pengambilan risiko yang lebih tinggi. Dengan menggunakan pertimbangan urus niaga yang wajar, bertindak nekad biarpun hasilnya tidak tentu tetapi potensinya pulangannya agak besar. Keputusan perniagaan sering perlu dibuat berdasarkan maklumat tidak lengkap.
- **Individu yang Sedar Kendiri/Pelajar** mengenal pasti kelakuan mereka dan kesannya terhadap orang lain. Kakitangan hendaklah menilai kelebihan dan kelemahan diri masing-masing dan mengambil tindakan untuk memantapkan diri.



- **Komunikator Efektif** bermaksud menyediakan maklumat secara tepat pada masa, ringkas dan padat kepada orang lain, dan menggunakan komunikasi lisan dan bertulis yang jelas dan teliti untuk tujuan mempengaruhi, merunding dan bekerjasama secara efektif. Pemimpin dan kakitangan perlu menghargai kepentingan komunikasi efektif yang melibatkan saling mendengar dan didengari tetapi bukan sentiasa mencapai persetujuan.
- **Pemikir Sepadu** membuat keputusan dan mengambil tindakan dengan mengguna pakai intuisi, pengalaman dan pertimbangan terhadap data yang sedia ada. Menunjukkan kebolehan untuk menyepadukan pelbagai maklumat atau pendapat yang bercanggahan sehingga mencapai keputusan yang dipertimbangkan dengan wajar. Memahami implikasi tindakan atau cadangan individu ke atas sistem, pasaran, proses dan fungsi yang lain.
- **Kecemerlangan Teknikal atau Fungsian** bermaksud berkebolehan dan efektif dalam sesuatu bidang kepakaran. Kakitangan hendaklah sentiasa sedar tentang perkembangan dan pemikiran terkini dalam bidang masing-masing dan mengenal pasti kaedah mengguna pakai teknologi terkini dalam bidang kerja masing-masing.





# PENGENALAN KEPADA KOD KITA

Kod Tatalaku Urus Niaga Honeywell (“Kod” kami) dibangunkan sebagai panduan kepada semua warga kerja mengenai piawaian integriti dan pematuhan dalam semua pengendalian urus niaga kita. Kod kita merupakan elemen penting dalam Tatalaku Honeywell. Kod ini menerangkan peraturan tatalaku asas yang kita, sebagai satu Honeywell, dikehendaki mematuhi. Lanjutan itu, Kod ini memperuntukkan sumber rujukan yang berguna sekiranya kita mempunyai pertanyaan atau kebimbangan mengenai tatalaku yang wajar.

Kod kita mentafsirkan harapan Honeywell daripada setiap warga kerja dan tatalaku kita:

- Sesama warga kerja
- Terhadap syarikat kita
- Terhadap pelanggan kita
- Terhadap pembekal kita
- Terhadap pemegang saham kita
- Terhadap masyarakat dan dunia kita

## Harapan Honeywell daripada Setiap Warga Kerja

Pertumbuhan Syarikat kita bermula dengan kami, setiap warga kerja, sebagai kunci kepada keunggulan Syarikat kita dan tunggak kepemimpinan dan kejayaannya.

## Pematuhan terhadap Kod Kita

Kod kita hendaklah dipatuhi oleh semua kakitangan, pegawai dan pengarah Honeywell. Mengikut kesesuaian, rakan kongsi urus niaga yang menjalankan tugas bagi pihak Syarikat kita juga dikehendaki memahami dan mematuhi Kod kita. Sekiranya tanggungjawab kerja anda menghendaki anda berurusan dengan individu yang menjalankan tugas bagi pihak Honeywell, pastikan anda memaklumkan kepada mereka mengenai tanggungjawab mereka untuk mematuhi Kod ini dan berikan salinan Kod ini kepada mereka. Kelakuan mereka hendaklah sejajar dengan Kod kita, polisi Honeywell lain dan undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

## Kewajipan Bersama Kita

Kita mempunyai tanggungjawab secara individu bagi memahami dan mematuhi Kod serta polisi, prosedur dan garis panduan yang berkaitan dengan tanggungjawab kerja kita di Honeywell. Kebanyakannya diperuntukkan di seksyen Kod yang bersesuaian, yang selainnya boleh dirujuk dalam Manual Polisi Honeywell. Kita tidak boleh mengabaikan atau memintasi Kod ini untuk apa-apa jua tujuan. Sekiranya anda memerlukan panduan bagi memahami Kod kita atau suatu polisi, prosedur atau garis panduan, atau penggunapakaiannya dalam bidang tanggungjawab anda, sila mohon panduan daripada mana-mana wakil rujukan yang disenaraikan dalam "Memohon Nasihat dan Menyuarakan Kebimbangan".



## Kewajipan Tambahan bagi Pengurus dan Penyelia

Pengurus dan penyelia Honeywell mempunyai tugas khusus bagi memupuk budaya integriti dan pematuhan. Ini bermaksud pengurus dan penyelia harus berfungsi sebagai model peranan integriti dan pematuhan dalam semua urusan mereka. Ini juga bermaksud pengurus dan penyelia dikehendaki memastikan bahawa subordinat mereka berasa selesa mengemukakan pertanyaan dan kebimbangan tanpa rasa ketakutan atau keraguan, apa-apa kebimbangan atau pertanyaan akan dikendalikan dengan cara yang profesional dan mengikut masa sesuai, dan kita tidak akan berkompromi terhadap piawaian integriti dan pematuhan kita demi mencapai sasaran urus niaga.

Pengurus dan penyelia juga hendaklah mempertimbangkan sifat dan kelakuan warga kerja yang sedang dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat. Kenaikan pangkat merupakan hak istimewa yang diberikan kepada warga kerja yang mencerminkan teladan dalam amalan Tatalaku dan nilai Honeywell dengan cara yang selaras dengan Kod ini.

## Pematuhan terhadap Undang-Undang

Walaupun Kod kita menangani beberapa cabaran umum yang dihadapi oleh syarikat-syarikat multinasional seperti Honeywell, Kod ini tidak dapat menangani setiap situasi yang bangkit di tempat kerja kita. Sekiranya anda ragu tentang kewajaran suatu aktiviti, anda hendaklah memohon panduan menerusi salah satu saluran yang dibincangkan dalam “Memohon Nasihat dan Menyuarakan Kebimbangan”.

Undang-undang dan peraturan adalah kompleks dan tertakluk kepada perubahan, dan amat berbeza antara satu negara dengan negara yang lain. Polisi syarikat juga tertakluk kepada perubahan, dan mungkin perbezaannya besar bergantung pada negara operasi kita. Bagi tujuan ini, kita harus mengambil litizam untuk memahami polisi, prosedur dan undang-undang yang terpakai dalam fungsi jawatan khusus dan lokasi operasi kita. Jika undang-undang tempatan bercanggah dengan Kod kita, patuhilah undang-undang tempatan. Jika adat atau amalan tempatan bercanggah dengan Kod kita, patuhilah Kod kita.

Urus niaga atau rantau anda mungkin mempunyai polisi dan amalan yang menghendaki lebih pematuhan daripada anda berbanding Kod ini, dan ini mungkin sama dengan undang-undang tempatan. Dalam semua keadaan sedemikian, anda mesti mematuhi polisi, amalan atau undang-undang yang lebih ketat. Sekiranya anda mempunyai apa-apa keraguan tentang kewajaran atau kesesuaian suatu tindakan yang dicadangkan, dapatkan nasihat menurut langkah-langkah yang ditetapkan dalam “Memohon Nasihat dan Menyuarakan Kebimbangan”.

Kod ini seharusnya selaras dengan dan merujuk kepada polisi korporat utama tertentu, yang terkandung dalam Manual Polisi Honeywell. Manual Polisi Honeywell mungkin memperuntukkan perincian yang lebih teliti berbanding Kod ini. Dalam keadaan tertentu, Manual Polisi ini mungkin memperuntukkan polisi tambahan yang tidak terkandung dalam Kod ini. Manual Polisi Honeywell dimuat naik di laman Intranet Honeywell.

Kita harus menitikberatkan kepentingan mengambil maklum bahawa hak pekerjaan kita ditadbir oleh undang-undang negara operasi kita, serta peraturan

yang dikuat kuasa di lokasi kerja kita. Kod kita bertujuan menjelaskan hak dan kehendak Honeywell sebagai majikan, tetapi tidak menentukan apa-apa hak pekerjaan kontraktual untuk kakitangan.

Di Amerika Syarikat dan negara-negara lain, pekerjaan di Honeywell adalah berasaskan prinsip “at-will” atau “atas kesediaan”. Ini bermakna anda mempunyai hak menamatkan pekerjaan anda pada bila-bila masa dan untuk apa-apa tujuan, dan Honeywell boleh menguatkuasakan hak yang sama, selaras dengan undang-undang terpakai. Sekiranya undang-undang tempatan berbeza daripada peruntukan Kod ini, patuhilah undang-undang negara kerja anda.

## Memohon Nasihat dan Menyuarakan Kebimbangan

Semasa bekerja bagi pihak Honeywell, anda mungkin menghadapi situasi mencabar. Kebanyakan masanya, pertimbangan anda, pilihan wajar, Kod kita serta polisi dan prosedur Syarikat tidak menyediakan panduan yang mencukupi kepada anda. Walau bagaimanapun, adakalanya anda memerlukan sokongan lanjutan bagi membuat keputusan yang wajar. Dalam keadaan ini, anda mempunyai beberapa wakil rujukan yang sedia ada, termasuk:

- Pengurus atau penyelia anda
- Wakil Sumber Manusia anda
- Wakil Integriti dan Pematuhan serta Pemimpin Tatalaku Urus Niaga anda
- Ahli Jabatan Undang-Undang atau Keselamatan Global
- Ahli Pejabat Integriti dan Pematuhan

- Aduan rasmi, proses timbang cara tempatan Honeywell
- Talian Bantuan Integriti dan Pematuhan ACCESS

Talian Bantuan Integriti ACCESS merupakan perkhidmatan 24 jam. Talian ini dikendalikan oleh penyedia pihak ketiga bebas dalam semua bahasa tuturan kakitangan Honeywell. Anda boleh membuat laporan menerusi talian bantuan ini dengan mendail:

800-237-5982, (Nota: Sekiranya anda mendail dari luar Amerika Syarikat, anda perlu menggunakan kod panggilan negara yang terdapat di [www.att.com/traveler](http://www.att.com/traveler)), atau merujuk kepada laman web Integriti dan Pematuhan di <http://teamsites.honeywell.com/sites/compliance> untuk senarai nombor talian bantuan khusus tambahan bagi negara-negara khusus

Anda juga boleh melaporkan isu menerusi mel atau emel kepada:

Honeywell International  
Untuk perhatian: ACCESS  
P.O. Box 2245  
Morristown, NJ 07962-2245  
[access.integrity.help@honeywell.com](mailto:access.integrity.help@honeywell.com)

Andainya anda sedar akan situasi yang mungkin melibatkan pelanggaran Kod ini, polisi Syarikat atau mana-mana undang-undang atau peraturan terpakai, anda mempunyai tanggungjawab untuk melaporkannya. Sila ambil maklum bahawa kegagalan mematuhi Kod kita dan polisi Syarikat akan mendatangkan kesan yang serius. Antara kesannya termasuk tindakan disiplin, sehingga dan merangkumi pemberhentian kerja, serta kemungkinan penalti sivil dan jenayah.

Honeywell akan mengendalikan semua laporan dengan cara yang sulit mengikut had dan batasan sedia ada, selaras dengan undang-undang, polisi Syarikat dan keperluan Syarikat untuk mengendalikan penyiasatan yang menyeluruh. Pelanggaran yang disyaki boleh dilaporkan dengan mengenal pasti diri anda atau dengan nama dirahsiakan. Di Eropah, proses khusus telah dilaksanakan bagi mematuhi peraturan yang menghadkan pelaporan dengan nama dirahsiakan. Anda boleh menghubungi Pejabat Integriti dan Pematuhan untuk mengajukan apa-apa pertanyaan.

Semua laporan akan disiasat dengan dengan segera dan menyeluruh, selaras dengan undang-undang terpakai dan, berikutan nasihat dan kelulusan Jabatan Undang-Undang, laporan ini boleh diajukan kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Tindakan pembetulan atau disiplin yang sesuai bagi pelanggaran Kod akan diambil sekiranya perlu.



## **Honeywell Tidak Akan Bertolak Ansur Terhadap Tindakan Membalas Dendam**

Kita menitikberatkan kepentingan rasa selesa anda untuk menyuarakan pertanyaan dan kebimbangan. Honeywell tidak akan bertolak ansur terhadap apa-apa bentuk tindakan membalas dendam yang disasarkan kepada anda akibat tindakan melaporkan salah laku sebenar atau disyaki dengan suci hati. Pembuatan laporan dengan “suci hati” bermaksud laporan anda adalah jujur, ikhlas dan lengkap mengikut pengetahuan terbaik anda.

Sekiranya anda mengesyaki tindakan membalas dendam telah diambil terhadap anda, anda hendaklah melaporkan hal ini menerusi salah satu kaedah yang digariskan dalam “Memohon Nasihat dan Menyuarakan Kebimbangan”.





# SATU HONEYWELL

## TATALAKU SESAMA WARGA KERJA

*Menggalakkan persekitaran tempat kerja yang positif berasaskan budaya saling menghormati dan komitmen terhadap kesihatan dan keselamatan merupakan kunci untuk mengekalkan pasukan kerja yang paling cekap and menyediakan peluang pembangunan bagi pemegang kepentingan kita.*

*Syarikat kita mengiktiraf dan mengganjarkan tenaga kerja individu kami dengan menyediakan imbuhan dan manfaat yang berdaya saing. Kami juga menggalakkan pembelajaran menerusi latihan yang memantapkan kemahiran berkaitan kerja.*

## Saling Menghormati Sesama Warga Kerja dan Memupuk Persekitaran Tempat Kerja yang Positif

Honeywell menghormati dan menghargai kepelbagaian latar belakang, pengalaman dan idea masing-masing. Bersama-sama, kami menyediakan persekitaran tempat kerja yang memupuk budaya saling menghormati bagi semua warga kerja, klien dan rakan kongsi urus niaga. Tempat kerja kita mencerminkan kepelbagaian masyarakat tempat operasi kita dan kami beriltizam untuk menyediakan kepada kakitangan persekitaran tempat kerja yang bebas daripada diskriminasi yang menyalahi undang-undang, gangguan atau kelakuan peribadi yang tidak kondusif kepada persekitaran kerja yang produktif. Polisi ini diguna pakai untuk semua fasa hubungan pekerjaan, termasuk pelantikan, kenaikan pangkat, penurunan pangkat, pertukaran jabatan dan lokasi, pemberhentian atau penamatan kerja, imbuhan, penggunaan kemudahan dan pencalonan untuk menyertai latihan atau program berkaitan.

Sekiranya anda mengetahui atau mengesyaki bahawa diskriminasi yang menyalahi undang-undang atau gangguan telah berlaku, anda hendaklah melaporkan situasi itu dengan segera menerusi salah satu saluran pelaporan yang diperincikan dalam “Memohon Nasihat dan Menyuarakan Kebimbangan”.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada polisi kita berkenaan *Gangguan di Tempat Kerja, Peluang Pekerjaan Sama Rata* serta *Pekerja dan Pemohon Kelainan Upaya*, dan juga *Penyata Veteran Dilindungi*.

## Melindungi Data Peribadi

Di Honeywell, kita komited dalam menggalakkan persekitaran tempat kerja dan mengendalikan urus niaga dengan cara yang memupuk keyakinan dan

kepercayaan. Bagi mencapai matlamat ini, kita mesti mengendalikan dengan sewajarnya data peribadi yang diberikan kepada kita oleh warga kerja, pelanggan, pembekal dan pihak lain. “Data peribadi” termasuk apa-apa maklumat yang boleh mengenal pasti seseorang individu. Contoh data peribadi termasuk nama, alamat fizikal, alamat emel, nombor pengenalan kakitangan, nombor pengenalan kerajaan atau apa-apa gabungan maklumat yang boleh mengenal pasti seseorang. Kita patut hanya mengumpul, mengakses, menggunakan atau mendedahkan data peribadi bagi tujuan urus niaga mengikut kesesuaian. Tambahan lagi, kita harus menggunakan data peribadi secara minimum yang dikehendaki bagi menyempurnakan sesuatu tugas. Kita tidak seharusnya berkongsi maklumat ini dengan sesiapa, baik di dalam mahupun di luar Syarikat kita, yang tidak mempunyai tujuan urus niaga yang sah untuk mengetahuinya. Lanjutan itu, kita mesti mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan keselamatan data sedemikian sepanjang masa.

Banyak negara mempunyai peruntukan undang-undang tersendiri yang mentadbir penggunaan data peribadi, dan Honeywell hendaklah mematuhi undang-undang tersebut. Misalnya, beberapa negara menghadkan pemindahan data peribadi ke negara-negara yang mempunyai peraturan pentadbiran data peribadi yang berbeza. Hubungi seorang ahli Jabatan Undang-Undang sekiranya anda mempunyai pertanyaan mengenai perkara ini.

Polisi, amalan dan program latihan syarikat dibentuk bagi memastikan hanya kakitangan yang diberi kuasa mendapat akses kepada data peribadi. Sekiranya anda percaya bahawa data peribadi telah didedahkan atau digunakan dengan tidak wajar, anda harus menghubungi Jabatan Undang-Undang dengan segera. Kegagalan untuk bertindak boleh menyebabkan Syarikat kita dikenakan denda dan/atau tindakan pengawalseliaan.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada polisi kita berkenaan *Kerahsiaan Data*.

## Penyalahgunaan Bahan

Penyalahgunaan bahan mengehadkan kebolehan kita untuk bagi melaksanakan kerja kita dengan selamat, dan oleh itu, boleh memudaratkan kita semua. Untuk tujuan ini, kita tidak boleh, walau sekalipun, bekerja bagi pihak Honeywell di bawah pengaruh alkohol, dadah yang diharamkan dari segi undang-undang, ubat preskripsi yang disalahgunakan atau ubat yang dibeli daripada kaunter kedai. Peraturan ini terpakai sepanjang masa semasa anda melaksanakan peranan Honeywell anda atau bagi pihak Honeywell walaupun penggunaan berlaku selepas waktu bekerja atau di luar premis Syarikat. Tambahan lagi, kita tidak boleh, walau sekalipun, menggunakan, memiliki, mengedar atau menjual dadah yang diharamkan atau alkohol, atau menyalahgunakan ubat preskripsi atau ubat yang dibeli daripada kaunter kedai, semasa waktu bekerja atau semasa di premis Syarikat. Syarikat kita mengecualikan peraturan ini andainya alkohol diedarkan dalam bekas terkedap bagi tujuan pemberian hadiah yang diluluskan atau penggunaan secara sederhana di acara rasmi Syarikat yang diluluskan.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada polisi kita berkenaan *Alkohol dan Dadah di Tempat Kerja*.

## Persekitaran Tempat Kerja Tanpa Keganasan

Kita berusaha bagi mencegah perbuatan atau ancaman keganasan di tempat kerja kita sebagai sebahagian daripada komitmen kita terhadap kesihatan dan keselamatan. Individu yang terlibat dalam keganasan atau ancaman keganasan boleh

dikenakan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk pemberhentian kerja, serta kemungkinan pendakwaan jenayah. Anda hendaklah melaporkan semua ancaman dan perbuatan keganasan kepada penyelia anda, wakil Sumber Manusia tempatan atau Keselamatan Global dengan segera. Sekiranya anda mengesyaki seseorang berada dalam keadaan bahaya, anda juga boleh menghubungi pihak berkuasa tempatan.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada polisi kita berkenaan *Pencegahan Keganasan*.

## Menyediakan Persekitaran Tempat Kerja yang Sihat dan Selamat

Dengan menyepadukan pertimbangan kesihatan, keselamatan dan persekitaran ke dalam semua aspek urus niaga kita, kita melindungi warga kerja kita dan alam sekitar, mencapai pertumbuhan mapan dan produktiviti pesat, memacu pematuhan terhadap semua peraturan terpakai dan membangunkan teknologi yang mengembangkan kapasiti mapan dunia kita. Sistem pengurusan kesihatan, keselamatan dan persekitaran kita mencerminkan nilai kita dan membantu kita memenuhi objektif urus niaga kita. Sekiranya kita mengesyaki keadaan tidak selamat dalam apa jua cara, kita mesti menghentikan kerja dengan segera. Sila rujuk kepada bahagian mengenai Melindungi Alam Sekitar untuk maklumat lanjut.

Kita harus memastikan kemudahan kita selamat sepanjang masa. Ini bermaksud kita hanya membenarkan individu yang diberi kuasa untuk mengakses tapak kerja kita. Sekiranya anda mengesyaki seseorang cuba mengakses kemudahan Honeywell dengan tidak wajar, hubungi Keselamatan Global Honeywell.







# SATU HONEYWELL

TATALAKU DEMI  
KEPENTINGAN  
TERBAIK  
SYARIKAT KITA

*Kita harus mengendalikan urusan niaga Honeywell secara bebas daripada pengaruh luar atau kecenderungan peribadi, dan membuat keputusan urusan niaga berdasarkan kepentingan terbaik Honeywell.*

## Mengelakkan Konflik Kepentingan

Sebagai sebahagian daripada tugas kita untuk mengekalkan reputasi Syarikat kita, kita mesti mengelakkan konflik kepentingan yang tidak wajar. "Konflik kepentingan" berlaku apabila kepentingan peribadi kita bercanggah dengan, atau mungkin bercanggah dengan, kemampuan kita untuk melaksanakan kerja tanpa kecenderungan peribadi. Kita tidak boleh melibatkan diri dengan apa-apa kepentingan, pelaburan atau perhubungan yang mana konflik kepentingan boleh wujud. Sekiranya anda mempunyai konflik kepentingan yang berpotensi atau sebenar, anda mesti memaklukkannya kepada penyelia anda atau dengan menghubungi Jabatan Undang-Undang atau Pejabat Integriti dan Pematuhan Honeywell. Konflik kepentingan seringkali dielakkan dengan mudah jika dimaklumkan lebih awal.

Bahagian-bahagian yang berikut menghuraikan situasi yang boleh mewujudkan konflik kepentingan. Anda haruslah ingat bahawa konflik juga boleh wujud sekiranya individu yang terlibat merupakan seorang ahli isi rumah anda atau ahli keluarga anda.

### *Hadiah dan Hiburan Semasa Berurus Niaga*

Pembinaan hubungan kerja yang kukuh dengan pelanggan, pembekal dan rakan kongsi urus niaga lain kita adalah penting kepada pertumbuhan kita. Hadiah dan hiburan semasa berurus niaga kadangkala digunakan untuk mengukuhkan hubungan ini. Walau bagaimanapun, kita mesti berwaspada apabila

### **Integriti dalam Amalan**

**Soalan:** *Barry menerima jemputan ke parti sempena cuti yang diadakan oleh salah seorang pembekal kita. Dia bekerja rapat dengan pembekal ini dan ingin menghadiri parti ini memandangkan wain bermutu tinggi dan hidangan gourmet pasti akan disajikan. Wajarkah Barry menerima jemputan ini?*

**Jawapan:** *Barry harus merujuk kepada penyeliannya atau Jabatan Undang-Undang untuk menentukan kewajaran menghadiri parti ini. Faktor untuk pertimbangan termasuk kos santapan, sama ada pembekal terlibat di peringkat aktif dalam proses pembidaan untuk kerja Honeywell pada masa itu, sama ada Barry terlibat dalam proses membuat keputusan bagi perolehan itu dan sama ada terdapat tujuan berkaitan urus niaga lain untuk menghadiri majlis makan malam itu.*

menawarkan atau menerima jasa baik urus niaga. Pertukaran hadiah dan hiburan boleh mewujudkan konflik kepentingan. Sekiranya tidak dikendalikan dengan wajar, tindakan ini boleh dianggap sebagai bayaran tidak wajar, sogokan atau rasuah. Anda tidak boleh menerima atau memberi apa-apa hadiah, bantuan atau hiburan jika dibuat untuk tujuan yang tidak wajar, atau jika anda tahu perkara ini akan melanggar polisi kita, undang-undang atau polisi hadiah syarikat penerima.

Secara umumnya, kita boleh menawarkan atau menerima suatu hadiah, bantuan atau hiburan dengan

## **Integriti dalam Amalan**

**Soalan:** *Di satu mesyuarat luar pejabat, seorang pembekal yang menyediakan perkhidmatan kepada Honeywell selama beberapa bulan menjemput Denisha untuk makan tengahari. Dia menerima jemputan itu, dan membenarkan pembekal itu membayar bil makan tengahari. Wajarkah tindakannya?*

**Jawapan:** *Santapan sekali-sekala dan hadiah nominal diterima secara umum, dengan syarat jasa baik ini tidak membangkitkan persoalan mengenai keobjektifan Denisha. Hiburan dan hadiah berkaitan dengan pelanggan harus dibincang terlebih dahulu dengan penyelia anda. Penyelia harus mempertimbangkan tujuan urusan niaga bagi santapan, persekitaran dan kos santapan serta kekerapan jemputan pembekal.*

syarat tawaran atau penerimaan ini:

- Tidak menyebabkan penerima berasa terhutang budi atau mewujudkan tanggapan sedemikian
- Tidak melebihi amalan urusan niaga tempatan yang diterima secara umum
- Bernilai nominal
- Tidak boleh ditafsirkan sebagai sogokan atau rasuah
- Tidak melanggar undang-undang terpakai, polisi Syarikat atau polisi syarikat penerima
- Tidak diminta terlebih dahulu

Peraturan ini tidak terpakai bagi bahan promosi neutral yang bercirikan pengiklanan am, seperti pensel bercetak, kertas memo dan kalendar, dengan syarat bahan yang diberikan tidak mewujudkan atau dianggap sebagai mewujudkan sebarang rasa terhutang budi. Tambahannya, dalam menurut adat kebangsaan, penyampaian hadiah berciri istiadat dibenarkan dengan syarat penyampaian ini tidak melanggar apa-apa undang-undang, tidak boleh dianggap sebagai sogokan dan tidak akan menjejaskan reputasi anda atau Honeywell jika didedahkan.

Hadiah tidak patut diterima daripada pembekal atau pembekal berpotensi (atau rakan kongsi urusan niaga lain atau rakan kongsi urusan niaga berpotensi) semasa atau berkaitan dengan rundingan kontrak dengan pembekal. Tambahan lagi, kita harus elakkan perbuatan meminta hadiah daripada pembekal atau rakan kongsi urusan niaga lain untuk acara Honeywell atau anugerah kakitangan.

Sekiranya anda tidak pasti sama ada anda harus menawarkan atau menerima hadiah atau hiburan semasa mengurus niaga, anda harus mendapatkan nasihat. Hiburan dan hadiah berkaitan pelanggan mesti dibincang dengan penyelia anda terlebih dahulu.

Undang-undang yang lebih ketat terpakai bagi hadiah yang ditawarkan atau diberikan kepada pegawai kerajaan. Undang-undang ini terpakai bukan sahaja kepada pegawai kerajaan, tetapi juga kakitangan syarikat milik negara atau di bawah kawalan negara. Anda mesti mematuhi undang-undang dan peraturan ini dengan ketat. Jangan menawarkan atau menerima jasa baik urusan niaga sekiranya perbuatan ini melanggar undang-undang atau peraturan, akan memalukan Honeywell, atau akan menjejaskan reputasi Syarikat. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada bahagian “Tanpa Rasuah Komersial dan Tanpa Bayaran Tidak

Wajar kepada Pegawai Kerajaan” Kod kita dan polisi kita mengenai *Jasa Baik Urus Niaga bagi Pegawai Kerajaan Amerika Syarikat, Hubungan Kerajaan dan Antirasuah*. Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan atau kebimbangan sila dapatkan nasihat Jabatan Undang-Undang.

### ***Kepentingan Kewangan***

Sebagai kakitangan Honeywell, kita secara umumnya patut elakkan urus niaga dengan mana-mana syarikat yang berhubung kait dengan kita dari segi kepentingan kewangan peribadi. Adakalanya terdapat juga situasi yang mana kepentingan kewangan peribadi kita dalam sesebuah syarikat yang mengurus niaga dengan Honeywell dibenarkan. Walau bagaimanapun, situasi sedemikian perlu diteliti oleh Jabatan Undang-Undang atau Pejabat Integriti dan Pematuhan bagi menentukan tindakan yang paling wajar.

Tambahan lagi, anda tidak boleh memperoleh atau mengekalkan kepentingan kewangan yang signifikan dalam pelanggan, pesaing atau rakan kongsi urus niaga yang mengendalikan urus niaga atau berpotensi mengendalikan urus niaga dengan Honeywell melainkan anda menerima kelulusan daripada Jabatan Undang-Undang. Pastikan anda boleh sentiasa membuat keputusan urus niaga dengan menitikberatkan kepentingan terbaik Honeywell.

### ***Pekerjaan Di Luar Syarikat***

Dari masa ke masa, anda mungkin ingin melibatkan diri dalam pekerjaan di luar Syarikat kita. Dalam tindakan demikian, anda mesti memastikan bahawa sebarang pekerjaan luar tidak mewujudkan konflik kepentingan. Kita tidak boleh menggunakan harta ketara dan tidak ketara Honeywell, termasuk dokumen, aset Teknologi Maklumat, kemudahan dan hak milik intelektual untuk mengendalikan urus niaga bukan berkaitan Honeywell.

### ***Integriti dalam Amalan***

**Soalan:** *Ana, seorang pakar perolehan, telah membina hubungan kerja yang kukuh dengan beberapa pembekal Honeywell selama beberapa tahun ini. Salah satu pembekal ini bertanya kepada Ana sama ada dia berminat menjalankan kerja rundingan untuk firma mereka. Memandangkan dia hanya akan bekerja untuk pembekal pada hujung minggu, pekerjaan luar itu tidak akan menjejaskan keupayaannya untuk melaksanakan tugas kerjanya di Honeywell. Wajarkah dia menerima tawaran ini?*

**Jawapan:** *Walaupun Ana hanya akan bekerja untuk pembekal ini di luar waktu pekerjaan untuk Honeywell, pekerjaan luar ini masih boleh dianggap sebagai konflik kepentingan. Ana patut merujuk kepada penyeliannya untuk mengesahkan bahawa pekerjaan luar ini tidak akan berkonflik dengan tanggungjawab kerjanya. Tambahan lagi, walaupun Ana membuat keputusan untuk menolak tawaran pekerjaan oleh pembekal, dia harus melaporkan tawaran pekerjaan itu kepada penyeliannya. Dia dan penyeliannya juga boleh merujuk kepada Jabatan Undang-Undang atau Sumber Manusia untuk panduan tambahan.*

## **Urus Niaga dengan Sahabat dan Ahli Keluarga**

Hubungan urus niaga dengan ahli keluarga dan sahabat boleh menyebabkan konflik kepentingan, atau tanggapan konflik. Untuk tujuan ini, anda tidak harus melibatkan diri dengan atau cuba mempengaruhi proses pembidaan, perundingan atau kontrak antara diri anda, seseorang ahli keluarga atau sahabat karib dengan Honeywell. Peraturan ini juga terpakai dalam situasi tidak langsung yang mana anda, seseorang ahli keluarga atau sahabat karib memiliki atau bekerja bagi pihak syarikat lain yang berurus niaga dengan Honeywell atau syarikat yang dipertimbangkan oleh Honeywell untuk tujuan urus niaga.

Tambahan lagi, kita perlu mengelakkan hubungan pelaporan yang tidak wajar. Ini bermaksud kita tidak boleh, secara langsung atau tidak langsung, menyelia atau bekerja di bawah penyeliaan seseorang ahli keluarga atau seseorang yang mempunyai hubungan peribadi yang akrab dengan kita.

## **Manfaat Peribadi Yang Tidak Wajar**

Konflik kepentingan juga boleh wujud apabila seseorang pengarah, pegawai atau kakitangan, atau seseorang ahli keluarganya, menerima manfaat peribadi yang tidak wajar menerusi jawatannya di Honeywell. Manfaat itu boleh merangkumi hadiah atau pinjaman daripada sesuatu entiti atau seseorang yang berurus niaga dengan Syarikat kita. Kita mesti mengelakkan diri daripada menerima manfaat tidak wajar sedemikian.

Tambahan lagi, konflik kepentingan wujud sekiranya seseorang kakitangan Honeywell membantu seseorang pesaing dan menjejaskan Honeywell. Misalnya, pemberian maklumat sulit kepada suami atau isteri atau pasangan yang bekerja di syarikat pesaing dianggap sebagai konflik kepentingan dan melanggar Kod kita.



## **Peluang Korporat**

Dalam membuat keputusan urus niaga objektif bagi pihak Honeywell, kita tidak harus bersaing dengan Syarikat kita. Ini bermaksud kita tidak boleh mengambil untuk diri kita sebarang peluang perniagaan atau pelaburan yang kita dapati menerusi jawatan kita di Honeywell atau menerusi harta atau maklumat Syarikat. Tambahan lagi, kita tidak harus membantu sesiapa mengambil peluang perniagaan atau pelaburan sedemikian untuk keuntungan peribadi. Ini termasuk ahli keluarga dan sahabat kita.

## Melindungi Harta dan Maklumat Syarikat

### *Harta Fizikal Honeywell*

Kecurian, kerosakan, kecuaiian dan pembaziran mempunyai impak langsung ke atas kejayaan Syarikat kita. Oleh itu, kita mesti berlitizam untuk melindungi aset fizikal Syarikat kita daripada kecurian, kerosakan, kehilangan atau penyalahgunaan. Ini termasuk kemudahan, kenderaan, kelengkapan perniagaan, barang niaga dan bekalan kita. Jika anda mengesyaki sebarang bentuk penipuan atau kecurian, anda harus melaporkannya kepada pengurus atau penyelia anda dengan segera.

Penggunaan peribadi sekali-sekala yang dibenarkan bagi kelengkapan Syarikat tertentu, seperti telefon atau internet, adalah wajar dalam sesetengah keadaan. Walau bagaimanapun, kita mesti memastikan penggunaan peribadi kita dihadkan, tidak mempengaruhi kemampuan kita dalam melaksanakan kerja untuk Honeywell dan tidak melanggar polisi Syarikat atau undang-undang. Jangan gunakan harta Honeywell demi keuntungan peribadi atau keuntungan orang atau organisasi lain. Anda juga mesti mengembalikan apa-apa harta Syarikat di bawah jagaan anda sebelum berhenti kerja.

### *Maklumat Sulit Honeywell*

Setiap warga kerja diamanahkan dengan maklumat sulit Syarikat kita. Kita mesti melindungi maklumat sensitif ini sepanjang masa. Ini secara umumnya termasuk sebarang maklumat bukan awam yang boleh dimanfaatkan oleh pesaing atau pihak lain, dan boleh memudaratkan Syarikat sekiranya didedahkan. Contoh maklumat sulit termasuk pelan perniagaan atau pemasaran, maklumat pembekal, rekaan produk, proses pembuatan, maklumat perniagaan kini dan masa depan serta maklumat kakitangan.

Kita tidak harus membenarkan orang lain mengakses maklumat sulit Honeywell. Kita mesti berwaspada agar tidak kehilangan, salah letak atau meninggalkan maklumat sulit (atau teknologi yang mengandungi maklumat sedemikian termasuk komputer, komputer riba, telefon bimbit, pembantu digital peribadi (PDA) dan perisian) tanpa jagaan. Sekiranya kita kehilangan kelengkapan Syarikat atau barang yang mengandungi maklumat sulit Honeywell (misalnya, komputer riba Honeywell, BlackBerry, pemacu pena atau barang serupa), kita harus melaporkan kehilangan ini dengan segera kepada Keselamatan Global Honeywell.

### ***Integriti dalam Amalan***

***Soalan:*** *Emilie sering bekerja semasa waktu rehat makan tengaharinya, dengan menerima panggilan telefon urus niaga di restoran dan tempat umum dalam bangunan. Semua orang di sekelilingnya nampaknya sibuk dalam perbualan masing-masing, maka dia mengandaikan mereka tidak memberi perhatian terhadapnya. Bolehkah dia membincangkan urus niaga Honeywell dengan cara ini?*

***Jawapan:*** *Hal ini bergantung pada situasi. Emilie boleh menerima panggilan telefon di tempat umum, tetapi dia mesti berhati-hati apabila membincangkan urus niaga Honeywell. Sebarang maklumat sulit tidak harus dibincangkan di tempat umum, walaupun dia mengandai orang lain tidak mendengar perbualannya.*

## **Integriti dalam Amalan**

**Soalan:** *Troy membawa komputer riba Honeywellnya semasa perjalanan untuk Syarikat agar dia boleh memanfaatkan masa lapang di kapal terbang, keretapi, tempat menunggu dan tempat awam lain untuk membuat kerja dokumen berkaitan urusan niaga. Adakah ini sesuatu masalah?*

**Jawapan:** *Kebarangkaliannya ya. Kita tidak mungkin sedar tentang orang yang duduk atau lalu berhampiran kita di tempat awam. Apabila komputer riba dan peralatan serupa digunakan di tempat awam untuk tujuan urusan niaga Syarikat, anda mesti memastikan skrin anda dilindungi daripada dilihat oleh orang awam sepanjang masa. Tambahan lagi, peralatan ini tidak boleh sekalipun ditinggalkan di mana-mana tanpa pengawasan.*

Tambahan lagi, kita tidak boleh membincangkan maklumat ini di tempat yang boleh didengar oleh orang yang tidak berhak mengetahuinya. Ini termasuk tempat awam seperti terminal lapangan terbang, keretapi dan restoran. Ini juga termasuk kawasan terbuka di Honeywell, seperti tandas dan ruang rehat Syarikat. Kita hanya boleh memberi akses kepada maklumat sulit untuk warga kerja yang mempunyai tujuan sah untuk mengetahuinya. Kita tidak boleh menggunakan maklumat sulit tentang Syarikat untuk keuntungan peribadi atau mendedahkannya kepada orang lain untuk keuntungan mereka.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada polisi kita berkenaan *Kerahsiaan Data* dan *Program Keselamatan Maklumat Sulit*.

## **Hak Milik Intelektual Honeywell**

Kita berusaha dengan tekun untuk melindungi hak milik intelektual Honeywell. “Hak milik intelektual” termasuk apa-apa paten, jenama, hak cipta atau aset tidak ketara lain, seperti idea, ciptaan, proses atau rekaan yang diwujudkan menggunakan masa, wang dan sumber Syarikat serta di bawah skop tugas kerja kita. Kita akan mengenal pasti ciptaan baharu yang dibuat dan merujukkannya kepada Jabatan Undang-Undang untuk perlindungan paten, hak cipta dan rahsia perniagaan. Anda harus melaporkan sebarang salah guna yang disyaki berkenaan hak milik intelektual Syarikat kepada Jabatan Undang-Undang.

## **Menghormati Hak Milik Intelektual Pihak Lain**

Kita menghormati hak milik intelektual pihak lain. Ini bermakna kita tidak harus dengan sengaja menyalahgunakan hak cipta, jenama atau paten pihak lain. Kita tidak boleh memuat turun perisian haram ke dalam komputer Syarikat atau menduplikasi, mencetak atau mengedarkan bahan dengan hak cipta terpelihara. Kita tidak akan memuat turun lagu, foto atau video tanpa kebenaran pemilik yang sewajarnya. Tambahan lagi, kita tidak akan mendedahkan atau menggunakan maklumat sulit bekas majikan.

Sila rujuk kepada polisi kita berkenaan *Pelesenan Hak Milik Intelektual* untuk maklumat terperinci.

## **Menggunakan Sumber Teknologi Maklumat**

Honeywell menyediakan kepada kita akses kepada pelbagai sistem komunikasi elektronik untuk kegunaan dalam kerja harian. Ini termasuk komputer dan sistem telefon, komputer riba, telefon bimbit, pembantu digital peribadi (PDA) dan perincian. Kita mempunyai tanggungjawab untuk melindungi sistem ini dan



teknologi yang disediakan kepada kita sepanjang masa. Ini bermaksud kita mesti masing-masing bertanggungjawab bagi mencegah kerosakan, kehilangan dan akses tanpa kebenaran kepada sumber ini. Pastikan anda mematuhi semua langkah keselamatan dan kawalan dalaman yang sedia ada bagi sumber yang digunakan.

Anda harus sentiasa ingat bahawa mesej elektronik (seperti emel, mesej segera dan mesej teks) merupakan rekod kekal komunikasi anda. Komunikasi ini boleh dipinda dan dihantar semula tanpa kebenaran anda. Untuk tujuan ini, sila berwaspada apabila menulis apa-apa mesej elektronik pada surat bercetak Syarikat atau apabila menggunakan sumber Honeywell.

Gunakanlah pertimbangan wajar dan integriti apabila menggunakan sistem dan teknologi ini. Jangan memuat turun atau menghantar bahan yang tidak sesuai, berciri seksual, haram atau berciri serangan menerusi sumber ini. Anda juga tidak boleh menggunakan sumber ini bagi mengendalikan kerja luar. Tertakluk kepada undang-undang tempatan, anda tidak harus mempunyai andaian kerahsiaan apabila menggunakan sumber Syarikat, kerana Honeywell boleh memantau penggunaan peribadi. Walau bagaimanapun, anda harus mengambil maklum bahawa Syarikat kita tidak akan campur tangan dalam kehidupan peribadi kita melainkan kelakuan kita menjejaskan pelaksanaan kerja kita atau menjejaskan persekitaran kerja kita atau reputasi Honeywell.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada polisi kita berkenaan *Penggunaan Sumber Maklumat Dengan Wajar* dan *Penggunaan Peralatan Pegangan Dengan Wajar*.

## **Media Sosial dan Laman Perangkaian Sosial**

Media sosial mengubah cara kita berkongsi maklumat setiap hari. Walaupun media sosial mewujudkan peluang baharu bagi komunikasi dan kerjasama, media ini juga membawa tanggungjawab tambahan yang kita perlu ketahui dan patuhi. Laman “media sosial” termasuk sebilangan besar laman Web dan sumber dalam talian. Ini termasuk laman perangkaian sosial (seperti Facebook, MySpace dan LinkedIn), blog, laman perkongsian foto dan video, bilik perbualan dan forum, antara lain. Sekiranya jawatan anda di Honeywell menghendaki anda membuat catatan dalam laman sedemikian, anda hanya boleh mencatat maklumat bagi tujuan urus niaga yang diluluskan atau hanya mencatat maklumat yang mematuhi Kod dan polisi Syarikat. Dalam interaksi media sosial peribadi, bertindaklah dengan bertanggungjawab dan sentiasa melindungi reputasi kita sepanjang masa. Jangan mencatat maklumat sulit tentang Honeywell kepada warga kerja, pelanggan, pembekal atau rakan kongsi urus niaga di sebarang laman sedemikian.

## **Mengelakkan Perdagangan Orang Dalam**

Bagi melindungi pelabur, undang-undang sekuriti menetapkan sebagai haram di sisi undang-undang, perbuatan orang yang mempunyai “maklumat dalaman yang material” mengenai sesebuah syarikat menjual beli sekuritinya. “Maklumat dalaman yang material” merupakan maklumat yang tidak dapat diperoleh secara umum oleh para pelabur dan, jika didedahkan, akan mempengaruhi nilai sesuatu sekuriti atau mempengaruhi keputusan anda untuk membeli, menjual atau memegang sesuatu sekuriti. Contoh maklumat dalaman yang material termasuk pengumuman perolehan, penggabungan, pengambilalihan dan pelupusan, keputusan litigasi

yang besar, perubahan dalam kawalan Syarikat itu dan perubahan dalam pengurusan kanan. Senarai contoh ini tidak lengkap, dan maklumat dalaman material boleh wujud berkaitan dengan peristiwa lain yang tidak disenaraikan di sini. Anda harus merujuk kepada *Polisi Perdagangan Orang Dalam* untuk huraian lebih terperinci mengenai maklumat dalaman material.

Semasa pekerjaan anda dengan Honeywell, anda mungkin mendapat tahu maklumat material mengenai Honeywell atau syarikat lain yang belum diumumkan. Anda mungkin mempunyai akses kepada maklumat dalaman material ini menerusi tugas kerja anda dengan Honeywell atau menerusi cara lain seperti menghadiri mesyuarat rasmi atau tidak rasmi, terdengar suatu perbualan atau terlihat suatu dokumen di mesin fotokopi. Penggunaan atau penyebaran maklumat ini kepada orang lain untuk keuntungan kewangan atau peribadi lain merupakan pelanggaran polisi perdagangan orang dalam kita, dan mungkin juga melanggar undang-undang sekuriti.

Bagi mengelakkan pelanggaran *Polisi Perdagangan Orang Dalam* kita dan undang-undang sekuriti, janganlah:

- Membeli atau menjual saham dalam mana-mana syarikat, termasuk Honeywell, baik secara langsung mahupun menerusi ahli keluarga atau orang atau entiti lain, sekiranya anda mempunyai maklumat dalaman material mengenai syarikat itu
- Mengesyorkan pembelian atau penjualan saham dalam mana-mana syarikat, termasuk Honeywell, kepada sesiapa sekiranya anda mempunyai maklumat dalaman material mengenai syarikat itu
- Menyebarkan maklumat dalaman material kepada orang lain di luar Syarikat melainkan tindakan ini diperlukan bagi aktiviti urus niaga Syarikat

Setengah individu, disebabkan jawatan mereka dalam Syarikat dan termasuk pengarah, pegawai dan kakitangan utama lain Syarikat yang terlibat dalam aktiviti kewangan dan unjuran lain yang tertentu, dianggap sebagai memiliki maklumat dalaman material dan dikenal pasti sebagai “orang dalam”. Individu ini adalah tertakluk kepada sekatan tambahan (seperti pemberikuasaan sebelum kelulusan) yang dihuraikan dengan lebih menyeluruh dalam *Polisi Perdagangan Orang Dalam*.

Sekiranya anda mempunyai maklumat dalaman material mengenai sesebuah syarikat (termasuk Honeywell), anda hanya boleh menjual beli sekuriti syarikat tersebut setelah maklumat itu diumumkan kepada pelabur biasa menerusi sumber media yang sesuai.

Pelanggaran undang-undang sekuriti boleh menyebabkan individu yang terlibat menghadapi kesan yang memudaratkan, termasuk pendakwaan sivil dan jenayah. Sekiranya anda mempunyai pertanyaan atau memerlukan panduan dalam perkara ini sila rujuk kepada Jabatan Undang-Undang.





# SATU HONEYWELL

TATALAKU  
TERHADAP  
PELANGGAN  
KITA

*Membina hubungan kerja yang saling memanfaatkan dengan pelanggan kita adalah penting kepada kejayaan kita sebagai sebuah Syarikat. Bagi mengekalkan hubungan sedemikian, kita perlu menyediakan produk bermutu yang selamat dan mendukung undang-undang dalam semua urusan kita dengan klien komersial dan kerajaan.*

## Menyediakan Produk dan Perkhidmatan Bermutu

Kita menyasar untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang memenuhi atau melebihi kehendak pelanggan kita dari segi kualiti, ketekalan dan nilai.

Kita dikehendaki mematuhi semua piawaian kawalan kualiti yang mentadbir tugas kerja kita. Ini termasuk undang-undang dan peraturan terpakai, serta prosedur kawalan dalaman yang dibuat untuk menggalakkan pembuatan produk bermutu dengan selamat. Kita juga hendaklah mematuhi semua spesifikasi kontrak dan memenuhi spesifikasi klien yang tersedia sepanjang masa.

Lanjutan kepada mempertanggungjawabkan diri kita bagi penyediaan produk dan perkhidmatan bermutu, kita juga mesti mempertanggungjawabkan pembekal dan rakan kongsi urus niaga lain bagi memastikan kualiti produk dan perkhidmatan yang disediakan kepada kita.

## Memperoleh Urus Niaga Secara Terbuka dan Amanah

Tindakan kita di pasaran melambangkan identiti kita sebagai sebuah Syarikat. Menerusi persaingan mutu produk dan perkhidmatan kita, kita mendukung reputasi Honeywell. Kita tidak akan sekalipun menghadkan peluang persaingan pesaing kita dengan cara penipuan.

### **Integriti dalam Amalan**

**Soalan:** *Min mendapat tahu tentang kemungkinan kewujudan suatu masalah semasa ujian barisan pengeluaran yang rutin. Keseriusan kesan masalah itu terhadap keselamatan produk tidak diketahui pada masa ini, dan Min tidak pasti tentang langkah seterusnya. Patutkah Min memaklumkan hal ini, walaupun dia tidak mengetahui semua butiran?*

**Jawapan:** *Ya. Pengeluaran dan penjualan produk yang mungkin tidak selamat boleh menyebabkan kecederaan pelanggan dan kakitangan. Min harus melaporkan masalah ini dengan segera, walaupun dia tidak pasti kesannya kepada pengeluaran. Min harus memaklumkan isu ini kepada penyelia, wakil jaminan kualiti atau wakil kesihatan dan keselamatan dengan secepat mungkin. Sekiranya Min percaya kebimbangannya tidak dipertimbangkan dengan sewajarnya, dia harus mempertimbangkan tindakan mengketekahkan isu ini untuk perhatian Jabatan Undang-Undang atau menerusi Talian Bantuan, seperti yang dibincangkan dalam "Memohon Nasihat dan Menyuarakan Kebimbangan".*

Tambahan lagi, kita tidak akan mempergunakan sesiapa menerusi amalan urus niaga yang tidak saksama. Ini bermaksud kita berhati-hati agar tidak memberi gambaran palsu tentang mutu, ciri-ciri atau ketersediaan produk atau perkhidmatan kita. Lanjutan itu, kita tidak memperkecilkan atau membuat pernyataan palsu tentang produk atau perkhidmatan pesaing kita. Kita menyasar untuk memperoleh urus niaga berdasarkan kualiti produk dan kakitangan kita, bukan menerusi cara yang tidak wajar.

## **Integriti dalam Amalan**

**Soalan:** *Thomas bekerja rapat dengan pengedar pihak ketiga yang menjual semula produk Honeywell. Sebuah syarikat yang berminat untuk mengedarkan produk Honeywell menemui Thomas dan menawarkan penajaan yuran sekolah swasta untuk anak perempuannya bagi mendapatkan hak eksklusif penjualan semula produk Honeywell di sesuatu kawasan jualan. Apakah yang Thomas harus lakukan?*

**Jawapan:** *Thomas harus menamatkan perbincangan dengan serta-merta dan melaporkan perkara ini kepada Jabatan Undang-Undang. Honeywell tidak akan bertolak ansur terhadap permintaan atau penerimaan sogokan yang tidak wajar untuk memenangi kontrak.*

---

**Soalan:** *Charlene berasa bimbang bahawa Honeywell akan kehilangan kontrak yang besar jika dia tidak membayar rasuah kepada pegawai kerajaan tempatan. Apakah yang Charlene harus lakukan?*

**Jawapan:** *Charlene tidak patut membayar rasuah atau mengambil sebarang tindakan yang boleh mewujudkan tanggapan bahawa Honeywell membenarkan bayaran rasuah untuk memenangi kontrak. Tiada kontrak yang berbaloi sehingga mewajarkan pelanggaran undang-undang atau standard integriti urus niaga kita. Kerosakan jangka panjang yang mungkin kepada reputasi dan kredibiliti Honeywell tidak mewajarkan keuntungan jangka pendek daripada kemenangan kontrak itu.*

## **Tanpa Rasuah Komersial dan Tanpa Bayaran Tidak Wajar kepada Pegawai Kerajaan**

Kita tidak boleh meminta, memberi atau menerima rasuah komersial atau sogokan haram. Kita juga harus berhati-hati agar mengelakkan tanggapan tatalaku yang tidak wajar. “Rasuah komersial” secara umumnya termasuk sebarang situasi yang mana seorang kakitangan Honeywell atau seseorang yang mewakili Honeywell menawarkan atau memberi sesuatu yang bernilai dengan niat untuk mempengaruhi tindakan atau keputusan urus niaga dengan tidak wajar. “Sogokan” haram secara umumnya termasuk sebarang situasi yang mana seorang kakitangan menerima manfaat peribadi yang tidak wajar dan sebagai balasannya, mengambil atau mengelakkan pelaksanaan suatu tindakan bagi pihak Honeywell. Honeywell tidak akan bertolak ansur terhadap rasuah komersial atau sogokan haram, sama ada perbuatan ini dilakukan secara langsung atau menerusi pihak ketiga.

Lanjutan kepada mengelakkan rasuah komersial dan sogokan haram, kita mematuhi semua undang-undang antirasuah yang terpakai berkenaan bayaran tidak wajar kepada pegawai kerajaan. “Bayaran tidak wajar” termasuk bayaran langsung dan tidak langsung atau suatu tawaran, janji atau kelulusan bayaran atau benda bernilai kepada seseorang pegawai kerajaan bagi tujuan mempengaruhi tindakan atau keputusan kerajaan dengan tidak wajar demi memperoleh atau mengekalkan urus niaga atau selainnya, memperoleh kelebihan dari segi urus niaga. Anda harus maklum bahawa bayaran tidak wajar boleh ditakrifkan dalam bentuk wang tunai, hadiah atau hiburan mewah.

“Pegawai kerajaan” termasuk pegawai entiti kerajaan, organisasi antarabangsa dan parti politik, kakitangan syarikat milik negara, dan juga kakitangan syarikat milik

kerajaan atau di bawah kawalan kerajaan dan rakan kongsi usaha sama.

Honeywell melarang bayaran tidak wajar kepada pegawai kerajaan. Kita haruslah ingat bahawa penglibatan dalam rasuah, ataupun tanggapan penglibatan dalam aktiviti sedemikian, boleh mendedahkan anda dan Honeywell kepada liabiliti jenayah.

Jangan mengekalkan pelantikan suatu pihak ketiga bagi membuat bayaran tidak wajar kepada pegawai kerajaan atau memasuki transaksi yang mana anda mengesyaki suatu pihak ketiga sedang membuat bayaran sedemikian. Perbuatan ini melanggar Kod kita dan undang-undang antirasuah. Kita mesti menjalankan pemeriksaan teliti ke atas semua pihak ketiga menggunakan prosedur kajian terperinci kita sebelum melantik mereka.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada polisi kita berkenaan *Antirasuah*.

Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan pegawai atau entiti bukan kerajaan, sila rujuk kepada bahagian "Hadiah dan Hiburan Semasa Berurus Niaga" Kod kita.

## Pematuhan terhadap Undang-Undang Persaingan Antarabangsa

Persaingan saksama mewujudkan pasaran yang sihat. Ini menjamin produk dan perkhidmatan yang terbaik dan paling inovatif untuk klien kita pada harga paling rendah. Bagi membolehkan Honeywell bersaing secara sah dan dengan integriti, kita mesti mematuhi undang-undang persaingan yang sedia ada di negara-negara urus niaga kita. Sekiranya undang-undang persaingan diguna pakai dalam fungsi kerja anda, anda mesti mengetahui dan mematuhiinya sepanjang masa.

### **Integriti dalam Amalan**

**Soalan:** *Gerri dan Carol bekerja bersama dalam kumpulan pembeli Honeywell. Carol terdengar perbualan telefon antara Gerri dengan pembekal berpotensi Honeywell. Semasa panggilan itu, rancangan Gerri untuk memberikan kontrak besar kepada pembekal ini menjadi jelas, walaupun cadangan pembekal itu tidak menawarkan nilai dan kelebihan keseluruhan yang terbaik kepada Honeywell. Tambahan lagi, dia akan menerima sejumlah wang yang besar sebagai balasan. Apakah yang Carol harus lakukan?*

**Jawapan:** *Carol patut melaporkan hal yang didengar olehnya kepada Jabatan Undang-Undang dengan serta-merta. Nampaknya Gerri menerima sogokan daripada pembekal ini, yang merupakan perbuatan yang dilarang dan boleh membawa kesan yang memudaratkan kepada individu yang terlibat, pembekal dan Honeywell.*

## **Integriti dalam Amalan**

**Soalan:** *Alejandro mempunyai kawan baik yang bekerja untuk pesaing Honeywell. Pada suatu hari semasa makan tengahari, kawannya memberitahu niat syarikatnya untuk menaikkan harga produk yang bersaing secara langsung dengan syarikatnya. Alejandro tidak memberi respon terhadap maklumat ini, tetapi merasai maklumat ini mungkin penting untuk kegunaan Honeywell dalam membuat keputusan urus niaga pada masa hadapan. Apakah yang harus dilakukannya?*

**Jawapan:** *Alejandro patut menamatkan perbualan dengan segera dan menyediakan ringkasan bertulis mengenai peristiwa ini kepada Jabatan Undang-Undang. Penglibatan dalam perbincangan dan tindakan menggunakan maklumat tidak umum seperti penetapan harga boleh mewujudkan tanggapan kerjasama tidak sah antara Honeywell dan suatu pesaing, yang boleh membawa kesan memudaratkan kepada syarikat-syarikat dan individu yang terlibat.*

Undang-undang persaingan seringkali kompleks, dan secara umumnya tidak membenarkan perbincangan sebarang topik dengan pesaing yang boleh mengekang perdagangan. Topik sedemikian termasuk (tetapi tidak terhad kepada) penetapan harga, penentuan pembidaan, atau pembahagian atau pengagihan pasaran, kawasan atau klien. Anda tidak harus membincangkan mana-mana topik ini dengan seseorang pesaing dan sekiranya pesaing cuba membincangkan mana-mana topik ini dengan anda, anda mesti menamatkan perbualan dengan segera. Berikutan itu, anda harus melaporkan peristiwa

ini kepada penyelia tempatan anda, yang akan bekerjasama dengan anda dalam rundingan dengan Jabatan Undang-Undang kita. Jika anda menghadiri mesyuarat persatuan perdagangan – atau acara sosial, contohnya – sila berwaspada semasa dalam perbincangan dengan pesaing.

Tambahan lagi, undang-undang persaingan melarang perjanjian rasmi dan tidak rasmi dengan pembekal, pengedar atau klien yang boleh mengehadkan persaingan. Perjanjian sedemikian boleh merangkumi tindakan menyepadukan produk, menetapkan harga jualan semula atau tidak menjual kepada klien tertentu atau membeli daripada pembekal tertentu.

Menerusi kerja kita, kita mungkin memperoleh maklumat pesaing daripada pelanggan kita atau sumber awam lain. Kita mestilah berwaspada dalam mengendalikan maklumat ini mengikut polisi Syarikat.

Sila maklum bahawa pelanggaran undang-undang ini boleh mendedahkan individu terlibat dan Syarikat kita kepada kesan yang memudaratkan.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada polisi kita berkenaan *Pematuhan Antitrust*. Sekiranya anda mempunyai pertanyaan lanjut, dapatkan panduan daripada Jabatan Undang-Undang sebelum bertindak.

## **Mengguna Pakai Prosedur Pengebilan yang Tepat**

Reputasi kita di pasaran merupakan aset syarikat yang kritikal. Bagi tujuan itu, kita menyampaikan dengan tepat, harga jualan atau kos barangan atau perkhidmatan yang dijual dan terma jualan lain, dalam semua invoice kepada pelanggan. Setiap seorang mempunyai tanggungjawab bagi mengekalkan rekod tepat dan lengkap untuk membolehkan Honeywell



mendukung komitmen ini. Jangan memalsukan apa-apa rekod – kad perakam waktu, laporan perbelanjaan, rekod jualan, rekod mutu atau ujian, atau apa-apa jenis rekod lain yang dibuat semasa kerja anda untuk Syarikat kita – atau membuat catatan yang mengelirukan atau palsu dalam buku atau rekod simpanan kira Honeywell.

## Menghormati Hak Milik Pelanggan

Ada masanya pelanggan kita akan berkongsi maklumat sulit mereka dengan kita agar kita boleh menyediakan produk dan perkhidmatan kepada mereka. Kita bertanggungjawab untuk menggunakan, menyimpan dan melindungi dengan teliti sebarang maklumat sedemikian dengan cara yang mematuhi semua undang-undang terpakai. Setiap seorang

mesti mengambil langkah yang perlu untuk melindungi maklumat ini dan memastikan maklumat ini hanya digunakan untuk tujuan urus niaga yang diluluskan.

## Berurusan dengan Pelanggan Kerajaan

Bagi sesetengah warga kerja, kerja kita melibatkan kontrak dengan entiti kerajaan, termasuk syarikat milik kerajaan atau syarikat kawalan kerajaan. Dalam kes ini, kita mempunyai tanggungjawab bagi mengetahui dan mematuhi polisi Syarikat terpakai serta undang-undang dan peraturan mantap yang mentadbir urusan kita dengan pelanggan kerajaan. Kita haruslah ambil maklum bahawa peraturan ini mungkin lebih ketat dan rumit berbanding peraturan yang mentadbir urusan kita dengan klien komersial.





Kita mesti sentiasa bertindak dengan kejujuran dan integriti dalam usaha memperoleh kerja kerajaan. Ini sebahagiannya bermaksud bahawa:

- Kita tidak boleh mengambil tindakan yang akan memberikan kelebihan daya saing yang tidak saksama bagi Honeywell, seperti mendapat atau menggunakan maklumat perolehan yang sensitif
- Semua representasi yang kita buat, termasuk penetapan harga dan pembidaan, harus tepat dan lengkap
- Kita tidak boleh sekalipun menawarkan, meminta, menjanjikan, memberi atau menerima apa juga bentuk rasuah atau sogokan kepada atau daripada pelanggan kerajaan yang sedia ada atau berpotensi
- Kita tidak boleh sekalipun meminta atau menerima apa jua bentuk rasuah atau sogokan daripada pembekal sebagai balasan untuk pertimbangan istimewa dalam pemberian atau pelaksanaan kerja untuk kontrak kerajaan
- Kita mesti memastikan bahawa kita hanya menggunakan perunding, ejen jualan atau kontraktor perkhidmatan profesional bebas lain yang bereputasi baik untuk tujuan perundangan sah

Untuk maklumat lanjut sila rujuk kepada bahagian "Tanpa Rasuah Komersial dan Tanpa Bayaran Tidak Wajar kepada Pegawai Kerajaan" Kod kita dan polisi kita berkenaan *Jasa Baik Urus Niaga untuk Pegawai Kerajaan Amerika Syarikat, Hubungan Kerajaan dan Antirasuah*.

Semua pernyataan dan rekod yang disediakan kepada pelanggan kerajaan (termasuk laporan kemudahan dan kualiti serta data kos dan penetapan harga) mesti tepat. Kita mesti merekod masa dengan tepat serta mengenal pasti dan memperuntukkan masa kita hanya untuk projek yang sedang diusahakan. Tambahan

lagi, kita mesti berhati-hati agar tidak salah caj mana-mana kos. Kita mesti mematuhi semua terma kontrak dan tidak boleh sekalipun menggunakan hak milik, kelengkapan atau bekalan kerajaan dengan cara yang tidak konsisten dengan undang-undang terpakai atau perjanjian kontrak.

Kita mesti mematuhi semua peraturan terpakai yang mentadbir cara kita berurusan dengan kakitangan kerajaan atau bekas kakitangan kerajaan dalam perbincangan mengenai potensi peluang pekerjaan di Honeywell. Setiap seorang bertanggungjawab bagi mengelakkan jenis-jenis konflik kepentingan ini. Tindakan menghibung atau melibatkan diri dalam perbincangan berkaitan pekerjaan dengan kakitangan kerajaan atau bekas kakitangan kerajaan tertakluk kepada peraturan dan prosedur yang unik. Peraturan ini boleh mengehadkan kerja yang dilaksanakan oleh bekas kakitangan kerajaan bagi pihak Syarikat kita.

Sila rujuk kepada polisi kita berkenaan *Pelantikan atau Urusan Dengan Bekas Kakitangan Kerajaan*.

Kita juga dikehendaki melindungi maklumat sulit dan maklumat sensitif lain yang diperoleh sehubungan dengan kerja yang dilaksanakan untuk klien kerajaan. Mengikut kehendak terma kontrak kerajaan dan peraturan terpakai lain, kita membenarkan akses kepada maklumat ini hanya kepada orang yang mempunyai tujuan urus niaga sah untuk mengetahuinya dan orang yang telah memperoleh kebenaran kerajaan yang sewajarnya atau kelulusan lain. Kita tidak boleh berkongsi, mengedarkan atau mendedahkan maklumat sulit atau sensitif dengan cara yang akan melanggar terma kontrak kerajaan kita.



# SATU HONEYWELL

TATALAKU  
TERHADAP  
PEMBEKAL  
KITA

*Pembekal Honeywell merupakan rakan kongsi kita dalam sasaran berterusan kita ke arah kepuasan pelanggan. Kaliber tinggi bahan, barangan dan perkhidmatan yang disediakan oleh pembekal berhubung secara langsung kepada kualiti, keutuhan, nilai dan penyampaian segera produk Honeywell kepada pelanggan kita.*

## Mensasarkan Urus Niaga Jangka Panjang dengan Pembekal

Bersama-sama, kita mensasarkan pembinaan hubungan kerja jangka panjang dengan pembekal kita. Kita hanya menggunakan kriteria sah dan berkaitan urus niaga apabila memilih pembekal. Syarikat kita hanya akan memeterai perwakilan atau perjanjian pembekal dengan syarikat yang diyakini sebagai telah membuktikan rekod dan komitmen terhadap integriti. Tambahan lagi, kita tidak sekalipun mempergunakan pembekal kita dengan tidak wajar menerusi penyalahgunaan maklumat sulit, salah nyata fakta material atau amalan urus niaga lain yang tidak saksama.

Di Honeywell, kita membolehkan pembekal bersaing secara saksama dalam kualiti produk dan perkhidmatan. Kita tidak akan dipengaruhi oleh hadiah atau apa jua jenis jasa baik daripada pembekal atau bakal pembekal. Santapan sekali-sekala atau hiburan semasa berurus niaga boleh dibenarkan, asalkan:

- Wakil pembekal menghadirinya
- Layanan baik ini tidak melampaui batas atau luar biasa
- Layanan baik ini mematuhi undang-undang terpakai dan tidak dilarang oleh Kod ini

Tambahan lagi, layanan baik ini harus dibalas mengikut kesesuaian dan kebolehlaksanaan.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada bahagian “Hadiah dan Hiburan Semasa Berurus Niaga” dan “Berurusan dengan Pelanggan Kerajaan” Kod kita.

## Melindungi Aset Pembekal

Kita mengendalikan maklumat sulit pembekal dengan ketelitian yang sama seperti cara kita mengendalikan maklumat sulit Honeywell. Kita tidak akan membuat salinan perisian yang disediakan kepada kita oleh pembekal, dan kita tidak akan menyepadukannya ke dalam perisian ciptaan dalaman kita melainkan kita dibenarkan berbuat demikian di bawah lesen.



# SATU HONEYWELL

TATALAKU  
TERHADAP  
PEMEGANG  
SAHAM KITA

*Di Honeywell, kita menyasar setiap hari untuk meningkatkan nilai untuk pemegang saham yang menaruh keyakinan dalam Syarikat kita dan setiap warga kerja. Bagi mencapai matlamat ini dan mewujudkan peluang perkembangan untuk pemegang saham kita, kita mesti berurus niaga dengan ketelusan dan integriti.*

## Buku dan Rekod Simpan Kira yang Amanah dan Tepat

Pemegang saham kita bergantung pada kita untuk menyenggara buku dan rekod simpan kira yang tepat dan lengkap. Dokumen ini membentuk asas semua pendedahan dan pemfailan awam kita, yang bertujuan memberi pemegang saham kita dan orang awam gambaran tepat mengenai operasi dan kedudukan kewangan Syarikat kita. Tambahan lagi, Honeywell menggunakan dokumen ini untuk menganalisis operasi Syarikat dan membuat keputusan urus niaga yang penting.

Kita mempunyai tanggungjawab dan kewajipan perundangan bagi memastikan maklumat yang dikemukakan dalam semua rekod Syarikat adalah lengkap, tepat dan boleh difahami. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, semua maklumat yang kita sediakan dalam rekod berikut:

- Rekod perakaunan dan kewangan
- Dokumen penggajian
- Kad perakam waktu dan sistem merekod masa
- Laporan perjalanan dan perbelanjaan
- Pengukuran, ujian produk dan rekod prestasi
- Rekod pelanggan dan pembekal
- Rekod reka bentuk dan kejuruteraan
- Rekod deklarasi eksport dan import

Buku dan rekod simpan kira yang amanah dan tepat memainkan peranan penting dalam reputasi Syarikat kita. Oleh itu, kita *tidak* boleh sekalipun membuat representasi palsu dalam dokumen Syarikat.

Transaksi Syarikat kita akan dikuatkuasakan mengikut kebenaran umum atau khusus pihak pengurusan. Sila rujuk kepada polisi kita berkenaan *Penugasan Autoriti* dan *Jadual Kelulusan Eksekutif* untuk maklumat lanjut.

## Pendedahan Kewangan dan Penipuan

Warga kerja dengan tanggungjawab kewangan dan perakaunan mempunyai tugas khas bagi memastikan penyata kewangan Syarikat kita benar dan wajar. Memandangkan Honeywell merupakan syarikat awam yang beribu pejabat di Amerika Syarikat, kita mesti mengemukakan pelbagai pelaporan kewangan dan pemfailan lain kepada badan berkuasa pengawalseliaan Amerika Syarikat. Dokumen ini mesti tepat dan mengikut masa yang sesuai. Oleh itu, jika anda mempunyai tanggungjawab berkaitan, anda mesti mematuhi keperluan perundangan dan pengawalseliaan yang mentadbir laporan ini. Anda juga mesti mengetahui dan mematuhi kawalan dalaman Honeywell yang mentadbir laporan ini. Rekod atau pelaporan yang tidak tepat, tidak lengkap atau tidak mengikut masa yang sesuai boleh membawa liabiliti undang-undang bagi orang yang terlibat.

Sesiapa yang disahkan terlibat dalam penipuan kewangan akan ditakluk kepada tindakan disiplin dan boleh menghadapi liabiliti sivil dan jenayah yang besar. Anda mesti melaporkan sebarang ketidakwajaran perakaunan atau penguaditan yang disyaki dengan segera. Honeywell tidak akan bertolak ansur terhadap tindakan membalas dendam terhadap anda bagi mendedahkan, dengan suci hati, hal perakaunan atau kewangan yang diragui atau tidak wajar.

## Audit dan Penyiasatan

Kita semua sama-sama bertanggungjawab untuk bekerjasama dengan audit dan penyiasatan luaran dan dalaman. Ini bermaksud kita mesti menyediakan juruaudit dan penyiasat dengan maklumat yang mereka berhak perolehi, dan mengekalkan kerahsiaan penyiasatan itu. Tambahan lagi, kita tidak boleh campur tangan dalam atau mempengaruhi kajian mereka dengan tidak wajar. Keengganan bekerjasama dengan penyiasatan dalaman Honeywell atau kerajaan boleh membawa kepada tindakan disiplin. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang maklumat yang diminta dan berhak diperolehi oleh juruaudit atau penyiasat, sila rujuk kepada Jabatan Undang-Undang atau Audit Korporat. Jika penyiasatan kerajaan dijalankan, pihak pengurusan mesti menghubungi Jabatan Undang-Undang secepat mungkin sebelum bertindak.

## Pengurusan Rekod

Kita semua sama-sama bertanggungjawab menyimpan rekod urus niaga Honeywell untuk tempoh masa yang diperlukan bagi tujuan urus niaga atau lebih lama, sekiranya dikehendaki oleh piawaian percukaian, pengawalseliaan atau lain-lain. Tambahan lagi, kita perlu

mengetahui masa dan cara melupuskan rekod urus niaga ini. Ikuti semua peraturan dalam polisi *Pengurusan Rekod* kita. Polisi *Pengurusan Rekod* termasuk Jadual Simpanan Rekod yang menyediakan panduan berkenaan tempoh masa simpanan pelbagai rekod. Honeywell menggalakkan kakitangan untuk mengkaji semula rekod mereka secara berkala dan melupuskan dokumen lama mengikut polisi Pengurusan Rekod.

Sekiranya anda tahu bahawa dokumen dalam kawalan anda mungkin relevan kepada kes mahkamah atau penyiasatan kerajaan, jangan mengubah, merahsiakan atau melupuskannya. Dalam sesetengah kes, Jabatan Undang-Undang boleh mengarahkan anda untuk menyimpan dokumen tertentu yang wajar dilupuskan di bawah polisi Pengurusan Rekod Honeywell. Dalam kes sebegini, anda hendaklah menurut arahan yang diberi oleh Jabatan Undang-Undang.

## Pertanyaan daripada Media dan Penganalisis

Kita menyasarkan penyediaan maklumat yang jelas dan tepat kepada media, penganalisis kewangan dan orang awam. Ini membolehkan kita mengekalkan integriti dalam hubungan kita dengan pemegang kepentingan luaran, yang boleh mengukuhkan reputasi korporat kita. Memandangkan maklumat tepat adalah penting, hanya individu tertentu yang boleh berkomunikasi dengan media dan penganalisis kewangan. Jika anda menerima permintaan maklumat daripada media, sila rujukkan permintaan itu kepada Komunikasi Korporat. Jika anda menerima permintaan maklumat daripada penganalisis atau ahli komuniti pelaburan, sila rujukkan permintaan itu kepada Hubungan Pelabur.

Sila rujuk kepada polisi kita berkenaan *Komunikasi Luaran* untuk maklumat lanjut.







# SATU HONEYWELL

TATALAKU  
TERHADAP  
MASYARAKAT  
DAN DUNIA  
KITA

*Untuk berkembang sebagai sebuah Syarikat, kita mesti berusaha bagi menyumbang impak positif dalam masyarakat yang memapankan kita. Kita mesti berusaha untuk menghormati dan melindungi bukan sahaja masyarakat di tempat tinggal dan kerja kita, malah juga bumi kita dan penghuninya.*

## Melindungi Alam Sekitar

Kita komited kepada kesihatan, keselamatan dan persekitaran, dan untuk membentuk Peluang Pemaparan di semua tempat operasi kita. Sebagai sebahagian daripada komitmen ini:

- Kita meminimumkan kesan persekitaran operasi kita menerusi pencegahan penyakit, kecederaan dan pencemaran.
- Kita menggalakkan secara aktif dan membangunkan peluang bagi mengembangkan kapasiti mapan dengan meningkatkan kecekapan bahan api, memantapkan sekuriti dan keselamatan, dan mengurangkan pengeluaran bahan pencemar yang berbahaya.
- Kita komited kepada pematuhan semua peruntukan kesihatan, keselamatan, persekitaran dan perundangan di semua tempat operasi kita.
- Komitmen kita kepada kesihatan, keselamatan dan alam sekitar merupakan aspek penting dalam reka bentuk produk, proses dan perkhidmatan kita, dan pengurusan kitaran hidup produk kita.
- Sistem pengurusan kita mengguna pakai piawaian global yang memperuntukkan perlindungan kesihatan manusia dan alam sekitar semasa situasi biasa dan kecemasan.
- Kita mengenal pasti, mengawal dan berusaha untuk mengurangkan pencemaran, pembaziran dan penggunaan sumber dan tenaga yang kurang cekap.
- Kita mengamalkan ketelusan dengan pemegang kepentingan dan berusaha di kalangan masyarakat kita untuk memantapkan undang-undang, peraturan dan amalan yang melindungi orang awam.
- Kita mendukung piawaian ketat Syarikat kita dalam kes yang mana undang-undang tempatan kurang ketat.
- Pengurusan kanan dan kakitangan kita bertanggungjawab bagi peranan masing-masing ke arah memenuhi komitmen kita.
- Kita mengukur dan meneliti kemajuan kita secara berkala dan menasaskan penambahbaikan berterusan.

Sekiranya anda mempunyai kebimbangan tentang kesihatan, keselamatan atau persekitaran tempat kerja, sila hubungi penyelia tempatan anda, ahli fungsi Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran atau layari *laman web Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran*: <http://inside.honeywell.com/hser>.

## Menghormati Hak Asasi Manusia

Kod kita, dengan polisi Honeywell lain, menetapkan amalan dan piawaian yang menangani skop luas

isu hak asasi manusia dan tempat kerja. Honeywell menghormati dan menilai kepelbagaian yang diwakili dalam latar belakang, pengalaman dan idea kita yang berbagai-bagai. Bersama-sama, kita menyediakan persekitaran kerja bersepadu yang memupuk rasa hormat bagi warga kerja dan rakan kongsi urusan niaga. Sila rujuk kepada bahagian bertajuk “Saling Menghormati Sesama Warga Kerja dan Memupuk Persekitaran Tempat Kerja yang Positif” untuk maklumat lanjut.

Syarikat kita tidak menyokong atau menggunakan tenaga kerja kanak-kanak. Di Honeywell, kita tidak akan mengambil sesiapa di bawah umur enam belas tahun, walaupun dibenarkan oleh undang-undang tempatan. Sekiranya undang-undang tempatan lebih ketat berbanding polisi Syarikat, kita akan mematuhi undang-undang tersebut.

Lanjutan itu, kita tidak akan menggunakan tenaga kerja secara paksa dalam sebarang operasi kita. Sebagai sebahagian daripada komitmen kita kepada masyarakat dan dunia kita, Honeywell tidak akan bertolak ansur dengan apa-apa perbuatan penjualan manusia atau buruh paksa lain. Kita juga tidak akan mengendalikan urusan niaga dengan mana-mana pihak ketiga yang terlibat dalam penjualan manusia atau buruh paksa.

## **Membuat Sumbangan Politik dan Amal**

Syarikat kita memahami cara-cara proses politik boleh memanfaatkan masyarakat kita. Kebebasan kepercayaan dan hati nurani merupakan hak asasi, dan kita bebas menyuarakan pendapat kita secara

lisan, bertulis atau dalam bentuk grafik tanpa ugutan penapisan. Walau bagaimanapun, apabila kita menyertai aktiviti sebegini, kita harus berbuat demikian dalam masa sendiri, dengan wang sendiri dan memastikan aktiviti kita tidak melanggar Kod ini.

Kita tidak harus menggunakan harta Honeywell bagi aktiviti politik peribadi. Lanjutan itu, kita tidak boleh melibatkan diri dalam aktiviti politik bagi pihak Honeywell, melainkan penglibatan ini diluluskan oleh fungsi Hubungan Kerajaan. Jangan memaksa seorang warga kerja, terutamanya yang mempunyai hubungan pelaporan dengan anda, untuk menyokong perjuangan anda.

Sebagai rakyat yang berkepentingan, kakitangan Honeywell bebas membuat sumbangan peribadi kepada calon pilihan mereka. Kakitangan yang merupakan rakyat Amerika Syarikat atau pemastautin tetap Amerika Syarikat layak menyertai Jawatankuasa Tindakan Politik Antarabangsa Honeywell dengan syarat mereka memenuhi keperluan undang-undang tertentu. Bagi menentukan kelayakan anda untuk menyertai jawatankuasa ini, hubungi Jabatan Hubungan Kerajaan Honeywell atau penasihat undang-undang unit urusan niaga anda.

Aktiviti melobi dikawal selia dengan ketat. Oleh itu, kita tidak boleh berhubung dengan pegawai kerajaan bagi mempengaruhi perundangan, pengawalseliaan, dasar dan tindakan lain oleh kerajaan bagi pihak Honeywell tanpa kebenaran fungsi Hubungan Kerajaan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada polisi kita berkenaan *Hubungan Kerajaan*.

Honeywell komited kepada tanggungjawab sosial dalam setiap aspek aktiviti Syarikat. Seringkali, Syarikat

kita akan menyokong aktiviti amal dalam masyarakat tempatan. Honeywell boleh terlibat dalam aktiviti amal ini, dengan syarat badan amal dan aktiviti diluluskan oleh pihak pengurusan, Jabatan Undang-Undang atau Honeywell Hometown Solutions.

Anda tidak boleh menghantar emel untuk mengumpul derma untuk badan amal yang tidak diluluskan atau mana-mana pengumpul derma dalam rangkaian Honeywell. Lanjutan itu, anda tidak boleh menggunakan aset Honeywell, termasuk waktu bekerja Syarikat, untuk inisiatif amal peribadi.

## **Mematuhi Kawalan Perdagangan Antarabangsa**

Honeywell komited kepada pematuhan dengan semua undang-undang perdagangan yang terpakai. Ini termasuk undang-undang kawalan import dan eksport, serta peraturan di negara-negara urus niaga Syarikat kita.

Undang-undang kawalan eksport mentadbir pemindahan barangan, perkhidmatan dan teknologi ke negara lain. Sila ambil maklum bahawa kawalan eksport mentadbir banyak jenis pertukaran maklumat antara sempadan nasional, termasuk penghantaran emel dan akses web ke pelayan bertalian yang boleh menyimpan data teknikal dikawal eksport. Amerika Syarikat juga mengawal penghantaran data teknikal dikawal eksport tertentu kepada orang bukan rakyat Amerika Syarikat di Amerika Syarikat.

Undang-undang dan peraturan import mentadbir pengimportan barangan. Undang-undang sedemikian memastikan hanya barangan yang dibenarkan memasuki negara yang mengimportnya, dan bahawa amaun duti dan cukai yang tepat dibayar bagi barangan tersebut. Honeywell mesti memastikan, antara lain, maklumat tepat berkenaan komoditi/ nomenklatur, nilai komersial dan negara asal semua barangan yang diimport.

Sejajar dengan perkembangan berterusan Honeywell secara global, warga kerja yang mengendalikan pengimportan barangan serta barangan, teknologi dan perkhidmatan yang dikawal eksport mempunyai kewajipan untuk memahami dan mematuhi peraturan terpakai. Ini termasuk undang-undang import dan eksport, pelan kawalan teknologi, syarat dan peruntukan pemberikuasaan lesen eksport yang boleh diguna pakai untuk urus niaga atau kemudahan mereka dan polisi *Pematuhan Perdagangan Antarabangsa* Honeywell.

# Honeywell

## Global Headquarters

### 101

## PENGECEUALIAN KOD KITA

Dalam keadaan yang amat terhad, Honeywell boleh mempertimbangkan kesesuaian mengecualikan suatu peruntukan Kod kita. Kelulusan sebarang tindakan yang tidak mematuhi Kod ini mesti diperolehi terlebih dahulu dan boleh diluluskan hanya oleh Ketua Pegawai Eksekutif atau Penasihat Undang-Undang Honeywell. Semua pengecualian untuk ahli Lembaga Pengarah atau pegawai eksekutif Honeywell menghendaki

kelulusan awal Lembaga Pengarah (atau suatu jawatankuasa kecilnya) dan akan didedahkan dengan segera jika dikehendaki oleh peraturan atau undang-undang. Apabila pengecualian diberikan, Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa bertanggungjawab hendaklah memastikan adanya kawalan sesuai untuk melindungi Syarikat dan pemilik sahamnya.





**Honeywell International**

115 Tabor Road  
Morris Plains, NJ 07950  
[honeywell.com](http://honeywell.com)

(Bahasa Melayu)

Approved 2011